



**PERBADANAN PUTRAJAYA  
KENYATAAN TENDER  
(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)**

**CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENAMBAHBAIKAN APLIKASI DAN PERKAKASAN SINGLE PLATFORM PORTAL, PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN ONLINE PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
(NO. TENDER: PPjT/JK/12/2022)**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

<b>SYARAT MEMASUKI TENDER</b>	<b>TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK</b>	<b>TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL</b>	<b>HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN &amp; BAYARAN ATAS NAMA</b>	<b>TARIKH, WAKTU &amp; TEMPAT TENDER TUTUP</b>
<b>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi bidang Bekalan / Perkhidmatan di bawah kod bidang 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 dan 210107</b>  <b>DAN</b> <b>Bumiputera</b>	<b>8 Ogos 2022 (Isnin)</b> <b>10.00 pagi</b>  <b>Bilik Mesyuarat Angsana, Aras 5, Blok A, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>	<b>8 Ogos 2022 (Isnin)</b>  sehingga <b>19 Ogos 2022 (Jumaat)</b>  Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM 400.00</b> (Tidak dikembalikan)  <b>Tunai / Deraf Bank</b>  Perbadanan Putrajaya	<b>1 September 2022 (Khamis)</b> <b>12.00 tengah hari</b>  Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut :
  - **Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM 200,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.**
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **8 Ogos 2022 (Isnin), 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Aras 5, Blok A, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan adalah DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama Sijil Akuan Pendaftaran, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat).
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan.**
7. Tender ini akan ditutup pada **1 September 2022** bersamaan hari **Khamis, jam 12.00 tengah hari.** Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT :

<https://www.ppj.gov.my> & <https://myprocurement.treasury.gov.my>